

KWSP perkenal Dashboard Sejarah Prestasi Pelaburan

KOSMO! MS: 38 17/6/2022

PETALING JAYA - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melancarkan ciri-ciri baharu portal web i-Invest untuk menambah baik pengalaman ahli.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan, pelbagai ciri web i-Invest seperti menjalankan transaksi, penilaian kesesuaian pelabur, dan maklumat lanjut mengenai dana unit amanah yang diluluskan serta institusi pengurusan dana (IPD) yang menawarkannya juga kini tersedia dalam aplikasi mudah alih i-Akaun, yang mana ia akan dikemas kini dengan ciri-ciri tambahan lain pada masa akan datang.

"Dalam usaha membantu ahli membuat pilihan pelaburan yang lebih termaklum, KWSP julung kalinya telah memperkenalkan Dashboard Sejarah Prestasi Pelaburan bagi membolehkan ahli menganalisis prestasi pulangan pelaburan berdasarkan tempoh pelaburan yang pelbagai.

"Ciri baharu ini merupakan yang pertama seumpamanya dalam industri pengurusan dana domestik dan turut dilengkapi dengan paparan pulangan pelaburan berdasarkan tiga kategori utama untuk membolehkan perbandingan dibuat pada peringkat dana, peringkat



KWSP sentiasa meningkatkan pengetahuan ahli melalui usaha menaik taraf ciri baharu dalam portal i-Invest.

IPD dan juga peringkat portfolio keseluruhan," katanya.

KWSP juga telah memperkenalkan simulator pelaburan sebagai alat untuk membantu ahli membuat penilaian bagi mencapai objektif pelaburan berdasarkan lima parameter utama.

Objektif pelaburan kini boleh disimulasikan berdasarkan pilihan amaun pelaburan awal, amaun pelaburan bulanan, tempoh pelaburan, kadar pulangan atau nilai akhir pelaburan.

Portal i-Invest yang ditambah baik ini juga menyediakan paparan penanda aras Lipper untuk ahli membuat perbandingan prestasi dana-dana unit amanah dengan penanda aras dana-dana tersebut.

Portal i-Invest yang dilancarkan pada Ogos 2019, menawarkan pelbagai fungsi, fleksibiliti dan kemudahan untuk ahli membuat pilihan pelaburan serta memantau pelaburan mereka pada bila masa dan di mana sahaja.